

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [ TANGGA BATU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sama ada perubahan jumlah import makanan pada tahun 2020 berbanding dengan tahun terdahulunya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah import makanan negara adalah RM36.8 bilion bagi tempoh Januari hingga Ogos 2020 berbanding RM34.2 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya, iaitu meningkat sebanyak RM2.6 bilion atau 7.6%.

2. Perincian jumlah import makanan bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 bagi tempoh Januari hingga Ogos adalah seperti jadual berikut:

<b>Import Makanan (Januari – Ogos)</b>	<b>2019 (RM Bilion)</b>	<b>2020 (RM Bilion)</b>
<b>Jumlah Bahan Makanan</b>	<b>34.2</b>	<b>36.8</b>
Binatang ternakan hidup	0.2	0.2
Daging dan sediaan daging	2.6	2.7
Hasil tenusu	2.8	3.1
Ikan, krustasia, moluska dan sediaan	2.8	2.9
Bijirin dan sediaan bijirin	5.0	5.4
Sayur-sayuran	3.0	3.3
Buah-buahan	2.7	2.7
Gula, sediaan gula dan madu	2.3	2.5
Kopi, koko, teh dan rempah	5.2	5.7
Bahan makanan untuk ternakan	3.7	4.0
Keluaran dan sediaan makanan lain	3.9	4.3

Sekian, terima kasih.